

SISTEM PEMBELAJARAN N-P (NOTA POKET)
MENINGKATKAN DAYA INGATAN PELAJAR (TINGKATAN 3)
DALAM BAB 3 : ANCAMAN KOMUNIS DAN DARURAT

DAYANG SARINAH AG SURA

ABSTRAK

Kajian tindakan bertajuk “Sistem Pembelajaran N-P (Nota Poket)” yang saya laksanakan ini adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan daya ingatan pelajar (tingkatan 3) terhadap fakta-fakta Sejarah yang telah mereka pelajari. Saya mendapati alasan yang diberikan oleh para pelajar apabila mereka gagal menjawab soalan yang ditanya atau soalan ujian / peperiksaan yang diberikan ialah mereka ‘lupa’ walaupun fakta tersebut baru sahaja di pelajari atau pun dibaca. Saya mengambil keputusan untuk memperkenalkan sistem pembelajaran N-P (Nota Poket) kepada pelajar kerana saya juga mendapati mereka tidak mempunyai cara yang terbaik untuk mengingat fakta selain daripada membaca terus dari buku teks atau rujukan. Kajian ini akan saya jalankan ke atas sekumpulan pelajar yang terpilih secara rawak seramai 14 orang (7 orang pelajar lelaki dan 7 orang pelajar perempuan) daripada Tingkatan 3 A. Fokus kajian saya adalah melihat sejauhmana sistem pembelajaran N-P (Nota-Poket) dapat membantu pelajar-pelajar tersebut mengingat fakta-fakta Sejarah dalam menjawab soalan ujian atau peperiksaan. Sistem pembelajaran N-P (Nota Poket) ini akan dilaksanakan selepas proses pengajaran Bab 3: Ancaman Komunis dan Darurat selesai dijalankan. Sepanjang proses pelaksanaan kajian, saya menggunakan beberapa item untuk menguji keberkesanan Sistem pembelajaran N-P (Nota Poket) ini antaranya ialah ujian pra, ujian pos dan borang soal selidik. Hasil daripada pelaksanaan kajian ini saya mendapati sebahagian besar pelajar yang diuji telah dapat meningkatkan daya ingatan mereka dalam menjawab soalan. Ini terbukti dengan hasil dapatan daripada ujian pra dan ujian pos yang telah dilaksanakan.

1.0 Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran yang lalu

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) saya seringkali mengemukakan soalan bagi memastikan pelajar faham isi pelajaran pada hari tersebut. Namun demikian ada sebahagian pelajar yang tidak boleh mengingat

fakta-fakta penting yang telah disampaikan. Jawapan yang sering saya terima ialah “**saya lupa, cikgu**”.

Situasi ini amat merunsingkan saya kerana subjek Sejarah memerlukan pelajar mengingati fakta-fakta penting bagi membolehkan mereka menjawab soalan dalam ujian atau peperiksaan (PMR). Ini dapat dilihat dalam ujian yang diberikan, ramai dikalangan pelajar yang memberikan alasan mereka **lupa** walaupun mereka telah membaca topik tersebut.

Setelah mendalami permasalahan pelajar, saya mendapati mereka juga tidak mempunyai nota ringkas / catatan bagi membolehkan mereka mengingati fakta-fakta yang disampaikan. Maka tidak hairanlah sekiranya pelajar 3 A ini, hanya bergantung kepada daya ingatan mereka yang cukup terbatas dan sering menghadapi gangguan ‘lupa’.

Saya teringat kata-kata **Encik Lee Shok Mee** dalam bukunya **Psikologi Pendidikan** (1997),

*“Tanpa kebolehan mengingat, segala yang dipelajari menjadi sia-sia sahaja. Dari segi peperiksaan pula kebolehan mengingat menjadi asas ukuran untuk menentukan sejauhmana seseorang murid telah mencapai pembelajaran. Oleh itu kegagalan mengingat fakta atau prinsip sudah tentu akan menjejaskan prestasi calon. Justeru itu, calon tersebut dianggap telah **gagal** dalam pembelajaran.”*

2.0 Isu Keperihatinan

Pelajar tidak dapat mengingati sepenuhnya fakta-fakta yang telah dipelajari. Masalah yang dihadapi pelajar ialah:

1. Pelajar mudah lupa fakta-fakta penting.
2. Pelajar tidak mempunyai nota ringkas bagi memudahkan mereka mengingati fakta-fakta penting (mengulangkaji menggunakan buku rujukan yang tebal)

3.0 Objektif Kajian (Am dan Khusus)

Kajian ini diharapkan akan dapat mencapai objektif di bawah:

Objektif Am

1. Meningkatkan nilai GNP sekolah dengan peningkatan peratus kelulusan Sejarah (PMR).

Objektif Khusus

1. Meningkatkan daya ingatan pelajar dalam mengingati fakta-fakta Sejarah.
2. Membantu pelajar menguasai teknik kemahiran belajar.
3. Meningkatkan peratus pelajar mendapat markah yang baik dalam subjek Sejarah (PMR).

4.0 Kumpulan Sasaran

Kajian ini melibatkan 14 orang pelajar (responden) yang telah dipilih secara rawak di kalangan pelajar Tingkatan 3 A. Mereka terdiri daripada 7 orang responden perempuan dan 7 orang responden lelaki.

5.0 Pelaksanaan Kajian

5.1 Tinjauan masalah

Saya menguji daya ingatan responden melalui ujian pra dan ujian pos. Sebanyak 40 soalan dari Bab 3 Ancaman Komunis dan Darurat akan diuji ke atas responden. Soalan ini akan digunakan sebagai ujian pra dan ujian pos. Tempoh masa yang digunakan untuk menguji ujian tersebut ialah selepas selesai proses pengajaran Bab 3 dijalankan. Ujian pra akan diberikan kepada responden terlebih dahulu bagi mengetahui tahap ingatan mereka terhadap isi pelajaran yang baru disampaikan. Setelah itu saya akan menerangkan kepada responden cara membuat

nota-poket bagi setiap sub tajuk dalam bab tersebut. Dua minggu selepas responden didedahkan dengan sistem N-P ini, saya akan menguji kembali mereka dengan ujian pos iaitu soalan yang sama digunakan pada ujian pra sebelumnya. Hasil dapatan itu membolehkan saya menilai sejauhmana keberkesanan sistem pembelajaran N-P (Nota Poket) ke atas responden tersebut. Selain daripada itu saya juga menyediakan borang soal selidik untuk mengetahui tanggapan dan kesan sistem pembelajaran N-P (Nota Poket) ini ke atas tahap ingatan serta cara pembelajaran responden.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

Hasil dapatan melalui ujian pra yang diadakan boleh dilihat melalui jadual di bawah.

Responden	Markah Ujian Pra
Responden 1	67.5%
Responden 2	52.5%
Responden 3	50%
Responden 4	65%
Responden 5	42.5%
Responden 6	40%
Responden 7	67.5%
Responden 8	60%
Responden 9	42.5%
Responden 10	65%
Responden 11	50%
Responden 12	62.5%
Responden 13	60%
Responden 14	50%

Melalui ujian ini saya mendapati responden tidak dapat mengingati sepenuhnya fakta walaupun bab tersebut baru sahaja dipelajari. Sebanyak 40 soalan yang diberikan, responden hanya mampu mengingati separuh sahaja. Ini menjelaskan bahawa daya ingatan mereka masih lemah dan perlu dipertingkatkan.

5.3 Tindakan yang dijalankan

Antara aktiviti yang akan saya laksanakan dalam mendapatkan hasil kajian ini ialah:

1. Mengadakan ujian pra setelah saya selesai mengajar Bab 3 Ancaman Komunis dan Darurat kepada responden.
2. Memberi penerangan mengenai Sistem Pembelajaran N-P (Nota Poket) kepada responden serta cara membuatnya.
3. Memantau perkembangan proses membuat nota-poket dan menggalakkan responden menggunakan nota-poket sebagai cara meningkatkan tahap ingatan mereka pada bila-bila masa.
4. Mengadakan ujian pos setelah proses penghasilan nota-poket dilaksanakan. Soalan ujian pos ini adalah soalan yang sama dengan ujian pra.
5. Membuat perbandingan hasil dapatan ujian (ujian pra dan ujian pos).
6. Menilai keberkesanan Sistem Pembelajaran N-P (Nota Poket) ini kepada pelajar melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar.

Instrumen yang saya gunakan dalam penghasilan dapatan kajian ini ialah soalan ujian pra dan pos, borang soal selidik serta kertas dan pen pelbagai warna.

5.4 Pelaksanaan Tindakan dan Pemerhatian

5.4.1 Pelaksanaan aktiviti

i. Pemerhatian

Sistem Pembelajaran N-P (Nota Poket) diperkenalkan kepada responden setelah saya menguji mereka dengan ujian pra. Penerangan mengenai cara membuat nota poket kepada responden diberikan dengan jelas. Responden dikehendaki membuat nota poket mereka sendiri dari Bab 3: Ancaman Komunis dan Darurat dengan menggunakan pen pelbagai warna mengikut kreativiti masing-masing. Saya melakukan pemantauan sepanjang proses penghasilan nota poket tersebut dilaksanakan.

Tempoh yang saya berikan kepada responden untuk menyiapkan nota poket mereka ialah selama dua minggu. Dalam tempoh tersebut responden dikehendaki menggunakan nota poket mereka untuk mengulangkaji Bab 3. Setelah itu saya menguji responden dengan ujian pos iaitu soalan yang sama yang telah digunakan dalam ujian pra. Hasil daripada ujian ini akan menerangkan sejauhmana keberkesanan sistem pembelajaran N-P (Nota Poket).

ii. Refleksi

Sepanjang pelaksanaan sistem ini saya mendapati pelajar menggunakan kreativiti mereka dalam penghasilan nota-poket mereka sendiri. Namun ada sebahagian pelajar yang membuat nota poket mereka secara ala kadar sahaja.

5.5 Refleksi Kajian

Keberkesanan Sistem Pembelajaran N-P (Nota Poket) ini dapat dilihat daripada dapatan ujian pos yang telah saya jalankan. Jika dibuat perbandingan antara ujian pra dan ujian pos, saya mendapati bahawa telah berlaku peningkatan dari segi markah para responden. Seramai sepuluh orang responden telah meningkat dari segi peratusan markah mereka, manakala dua orang responden telah mengalami penurunan dan dua orang responden lagi tidak berlaku apa-apa perubahan.

Responden	Markah Ujian Pra	Markah Ujian Pos
Responden 1	67.5%	72.5%
Responden 2	52.5%	57.5%
Responden 3	50%	40%
Responden 4	65%	72.5%
Responden 5	42.5%	57.5%
Responden 6	40%	40%
Responden 7	67.5%	75%
Responden 8	60%	65%
Responden 9	42.5%	55%
Responden 10	65%	80%
Responden 11	50%	65%
Responden 12	62.5%	75%
Responden 13	60%	60%
Responden 14	50%	42.5%

Melalui borang soal selidik yang telah diisi oleh responden, sebahagian besar responden mengatakan bahawa penggunaan nota poket ini memberi kesan yang positif ke atas pembelajaran mereka terutamanya daya ingatan mereka. Ada di kalangan responden yang memberikan jawapan “ **Melalui nota poket akan membuatkan saya lebih mengingati fakta-fakta sejarah kerana melalui pembacaan sahaja akan membuatkan saya mudah lupa**” dan “ **Nota poket membantu saya meningkatkan prestasi saya dengan mengingatkan semula pembelajaran saya**”.

Salah seorang dari responden yang mendapat penurunan markah memberikan maklumbalas dalam soal selidik tersebut dengan menulis “ **Hanya membantu saya serba sedikit tentang fakta yang penting dan kadang kala membantu saya mengingati fakta itu ketika peperiksaan**”.

Saya bersyukur kerana responden telah mendapat manfaat dari Sistem Pembelajaran N-P (Nota Poket) ini. Saya dapat melihat kesungguhan responden membuat nota poket mereka dan melihat sendiri hasil yang mereka perolehi. Walaupun markah mereka hanya meningkat sedikit sahaja namun ia sudah cukup membuktikan kesungguhan mereka mengingati fakta-fakta tersebut. Sekurangnya

kurangnya responden telah mempunyai satu teknik belajar yang baru bagi meningkatkan daya ingatan mereka. Selain daripada itu responden juga memberi respon yang positif apabila ditanya adakah mereka ingin meneruskan penggunaan nota-poket ini di masa akan datang. Antara respon tersebut ialah “ ***Ya, kerana ia amat berkesan dan dengan adanya nota poket kita akan dapat membacanya di mana-mana kita berada***” dan “ ***Ya, saya ingin meneruskan penggunaan nota-poket ini pada masa akan datang supaya meningkatkan lagi prestasi subjek Sejarah saya***”. Ini terbukti apabila saya kadangkala terserempak dengan responden yang sedang menggunakan nota poket untuk mengulangkaji ketika ujian/peperiksaan dan bukan hanya tertumpu pada subjek Sejarah tetapi mereka juga telah membuat nota poket untuk subjek-subjek lain juga.

Secara keseluruhan sistem pembelajaran N-P (Nota Poket) berjaya memberikan responden cara terbaru untuk mereka meningkatkan daya ingatan mereka terhadap fakta-fakta dalam subjek Sejarah. Walaupun tidak semua responden dapat mencapai tahap yang baik namun sekurang-kurangnya sistem ini memberi mereka ruang dan peluang untuk menghilangkan penyakit ‘**lupa**’ mereka dan dapat meningkatkan prestasi mereka dalam subjek Sejarah mahupun subjek-subjek lain juga. Sebagaimana yang ditulis oleh **Mohd Nasuha Jamidin** dalam buku *Kemahiran Berfikir dan Belajar “kemungkinan untuk mengingat item yang dicatat adalah 6 kali lebih daripada item yang tidak dicatat”*. Saya berharap agar hasil kajian ini dapat kita manfaatkan bersama terutamanya kepada anak didik kita. Semoga juga pelajar dapat memanfaatkan sistem pembelajaran N-P (Nota Poket) ini sampai bila-bila terutama sekali calon-calon peperiksaan.

“Nota anda adalah yang terbaik berbanding pelbagai buku rujukan yang terdapat di pasaran”

(Rabe Juhari, Teknik Belajar Untuk Skor Tertinggi, 2001)

6 Cadangan dan kajian seterusnya

Sistem Pembelajaran N-P (Nota Poket) ini akan saya teruskan pada tahun hadapan. Pelajar tingkatan dua tahun hadapan akan saya dedahkan lebih awal dengan sistem ini agar mereka dapat mengingat fakta-fakta Sejarah dengan lebih baik lagi.

Bibliografi

- Lee Shok Mee, Psikologi Pendidikan 2, 1997, Kumpulan Budiman Sdn Bhd, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.
- Mohd Nasuha Jamidin & Rakan-rakan, Kemahiran Berfikir dan Belajar, 1995, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
- Rabe Juhari, Teknik Belajar Untuk Skor Tertinggi, 2001, Cerdik Publication Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.